



MENTERI SUMBER MANUSIA

## KENYATAAN MEDIA

---

### FORUM NASIONAL: KERANGKA KERJAYA INDUSTRI GIG

---

Penggiat gig di Malaysia boleh berasa gembira dengan inisiatif yang diambil oleh Kerajaan melalui Kementerian Sumber Manusia (KSM) untuk memperkasa industri gig dan melindungi hak mereka. **Forum Nasional: Kerangka Kerjaya Industri Gig** yang diadakan pada 17 Julai 2023 adalah langkah positif dalam menghimpunkan penggiat gig dan penyedia platform untuk membincangkan tanggungjawab bersama dalam menjaga kebajikan kedua-dua belah pihak.

Industri gig mempunyai potensi yang besar dan memerlukan perhatian serta sokongan. Oleh itu, penggiat gig perlu diberikan sokongan sosial yang sewajarnya. Melalui Akta 789, Kerajaan telah melaksanakan mekanisme keselamatan sosial termasuk kepada penggiat gig dengan melancarkan Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) melalui PERKESO. Ini merupakan langkah penting dalam menyediakan perlindungan sosial kepada pekerja sektor tidak formal, termasuk penggiat gig.

Di samping itu, KSM sedang merangka suatu garis panduan khusus untuk penggiat gig (p-hailing) dan syarikat penyedia platform yang merangkumi enam (6) elemen utama iaitu **pendapatan, perlindungan sosial, kesedaran aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan, kebebasan bekerja, bersuara dan berunding, latihan dan bimbingan bagi kemajuan kerjaya** dan **mekanisme kilanan**.

Kerajaan yakin usaha yang dilakukan akan mewujudkan keadilan sosial, keharmonian, dan mengukuhkan pertumbuhan industri gig bagi merancakkan ekonomi negara. Ini menunjukkan kesungguhan dan komitmen Kerajaan dalam mengatasi isu yang dihadapi oleh penggiat gig dan mewujudkan persekitaran yang lebih adil untuk mereka.

**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA  
KUALA LUMPUR  
17 JULAI 2023**